RM1b bantu masyarakat desa mula projek ekonomi sendiri

RM100,000 disalur kepada setiap kampung menerusi Dana Komuniti MADANI

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1 bilion kepada Dana Komuniti MADANI tahun depan bagi membantu masyarakat desa memulakan projek ekonomi sendiri, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata menerusi inisiatif itu, dana sebanyak RM100,000 akan disalurkan kepada setiap kampung, desa, rumah panjang mahupun projek perumahan rakyat (PPR) bagi memulakan projek ekonomi seperti kraftangan atau hidroponik.

"Dana itu akan diserahkan kepada penghulu, penggawa atau tuai rumah dan mereka ini akan berjumpa komuniti dan memutuskan sendiri projek ekonomi untuk dibangunkan di kawasan mereka.

"Saya nak tengok orang kampung buat keputusan dan menguruskan dana RM100,000 untuk membangunakan projek ekonomi dengan kos rendah berikutan kegiatan itu dilakukan sendiri tanpa pembabitan pegawai (pembimbing)," katanya

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Karnival Usahawan Desa (KUD @ Putrajaya) 2023 di Anjung Floria, di sini, semalam.

Program anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah itu diadakan selama lima hari bermula Rabu lalu dan berakhir hari ini, dimeriahkan dengan pelbagai pameran dan jualan.

Ia dibuka bermula jam 10 pagi sehingga jam 10 malam dengan menyediakan 800 gerai pameran, termasuk jualan membabitkan pelbagai usahawan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan juga sedia memberi dana tambahan RM1 bilion sekiranya projek komuniti desa itu berhasil.

"Dana tambahan itu kerana kita mahu komuniti terbabit benar-benar memanfaatkan dana yang diperuntukkan dengan sebaiknya.

"Masyarakat desa terbabit boleh mendapatkan bimbingan dan bantuan dengan berhubung dengan agensi kerajaaan berkaitan antaranya Jabatan Pertanian atau Majlis Amanah Rakyat (MARA).

"Sekiranya berlaku dana 'dicuri' pihak tidak bertanggungjawab, saya panggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) siasat supaya tiada penyelewengan atau ketirisan terhadap projek dijalankan," katanya.

Pendekatan baharu

Anwar berkata pendekatan baharu kerajaan dijangka memberi manfaat kepada jutaan rakyat.

Katanya, dana yang diperuntukan itu khusus untuk penjanaan ekonomi dan bukannya untuk pembaikan pagar atau jambatan rosak.

"Belanjalah dengan berhemat dan patuhi peraturan ditetapkan," katanya.

Menyentuh mengenai program KUD@Putrajaya 2023, Anwar menyifatkan penganjuran karnival itu sebagai berjaya dan mendapat sambutan luar biasa serta menggalakkan.

Beliau merakamkan penghargaan kepada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta barisan penganjur atas usaha mereka itu.

"Ini kesempatan kita untuk mendedahkan usaha dilakukan kementerian dan meraikan usahawan supaya diberikan dorongan dan sokongan baik daripada jentera kerajaan dan rakyat," katanya.

Anwar bersama penerima bantuan geran keusahawanan pada majlis perasmian Karnival Usahawan Desa KUD@Putrajaya 2023 di Anjung Floria, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Orang ramai memanfaatkan cuti hujung minggu mengunjungi Karnival Usahawan Desa KUD@Putrajaya 2023.